

Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza

The Effect of Humanitarian Aid Mission Freedom Flotilla to Gaza

Ruzanah Binti Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor¹

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Misi bantuan kemanusiaan *Freedom Flotilla* merupakan misi bantuan kemanusiaan yang membawa mesej keamanan dan pembebasan Gaza. Misi ini dikelola oleh The *Turkish Humanitarian Relief Foundation* (IHH). Tujuan misi ini adalah untuk memecahkan tembok pengepungan Israel ke atas 1.8 juta rakyat Gaza. Makalah ini selanjutnya membincangkan perkaitan antara misi bantuan kemanusiaan *Freedom Flotilla* dengan *Free Gaza Movement*. Secara keseluruhannya kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan jenis kajian dokumentasi. Dalam pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen dan disokong oleh temubual. Kemudian, pengkaji menganalisis data menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan positif daripada pelaksanaan misi bantuan kemanusiaan *Freedom Flotilla* ke Gaza dari aspek tekanan antarabangsa terhadap Israel. Ini berlaku ketika mereka yang terlibat tidak dapat meneruskan misi kerana disekat oleh Israel ketika mereka masih di perairan antarabangsa.

Kata Kunci: Gaza, Israel, Freedom Flotilla, Free Gaza Movement, Bantuan Kemanusiaan

Freedom Flotilla is a humanitarian mission carrying the message of peace and liberation of Gaza. The Turkish Humanitarian Relief Foundation (IHH) organized this mission. The aim of the mission is to break a siege by Israel toward 1.8 million people of Gaza. Hence, this article discusses relation between Freedom Flotilla and Free Gaza Movement. Overall, this study applies the qualitative approach based on documentation. Researcher use analysis of documents and interview to collect data. In addition, content and thematic analysis is applied for interpreting the data. The finding of this study shows the positive impact of Freedom Flotilla mission to Gaza in term of international pressure towards Israel. This happened when those involved in the mission cannot get through because of interception by Israel during which they were still at maritime.

Keywords: Gaza, Israel, Freedom Flotilla, Free Gaza Movement, Humanitarian Aid

PENDAHULUAN

Misi bantuan kemanusiaan *Freedom Flotilla* merupakan kesinambungan daripada gerakan *Free Gaza Movement*. Gerakan *Free Gaza Movement* merupakan satu gerakan yang ditubuhkan ekoran daripada sekatan yang dilakukan oleh Israel ke atas Gaza pada tahun 2006. Israel melancarkan sekatan ke atas Gaza setelah *Harakat al-Muqawwamah al-Islamiyah* (HAMAS) enggan mengiktiraf kewujudan Israel. Mereka juga tidak bersetuju

¹ Corresponding author: m_roslan@um.edu.my

dengan beberapa cadangan Israel. Antaranya di dalam cadangan tersebut, Israel meminta HAMAS untuk mengiktiraf negara Israel, menghentikan serangan roket dan menerima semua perjanjian damai yang telah dipersetujui bersama antara Israel dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) (Migdalovitz, 2005; Aljamal, 2012; Erakat, 2011; Nilasari, 2010; Heinss, 2016).

Penubuhan gerakan *Freedom Flotilla* ini tercetus apabila Greta Berlin mengusulkan cadangan kepada salah seorang pekerja *Justice for Palestine*, Michael Shaik. Dalam cadangan tersebut, beliau mengusulkan untuk melakukan misi bantuan dalam bentuk pelayaran kapal. Beliau turut mencadangkan untuk bertolak dari New York dengan slogan '*Break the siege of Gaza*' (memecahkan tembok kepungan Gaza) (Harb, 2010).

Kemudian cadangan tersebut diterima. Dalam menggerakkan perancangan tersebut, gerakan ini bekerjasama dengan beberapa buah organisasi antarabangsa dan tempatan Gaza seperti *The Gaza Community Mental Health Programme*, *The International Campaign to End the Siege on Gaza*, *The Palestinian Medical Relief Society*, *The Popular Committee Against the Siege*, *The Palestinian Centre for Human Rights*, Kementerian Belia dan Sukan, Palestin dan *Agriculture Development Association Gaza*. Jalinan kerjasama ini bertujuan untuk menggalakkan sebarang aktiviti yang dirancang dapat diselaraskan dalam membantu rakyat Palestin terutamanya rakyat Gaza. Gerakan bantuan kemanusiaan global sudah ada yang berjalan (Hutchinson, 1997; Maze, 2010; Forsythe, 2005) tetapi kali ini ia memberi fokus kepada bantuan di Gaza.

Dalam menjayakan misi ini, mereka telah menggariskan misi yang ingin dicapai. Misi gerakan ini adalah (Free Gaza Movement, 2009a, 2009b, 2009c, 2009d):

1. Memecahkan tembok pengepungan Israel ke atas Gaza.
2. Meningkatkan kesedaran antarabangsa mengenai sekatan Israel ke atas Gaza.
3. Memberi tekanan kepada masyarakat antarabangsa untuk mengkaji semula dasar sekatan dan menamatkan sokongan terhadap pendudukan Israel.
4. Memberikan hak Palestin untuk menyambut masyarakat antarabangsa ke Palestin seperti pelawat, pemerhati hak asasi kemanusiaan, pekerja bantuan kemanusiaan, wartawan dan sebagainya.

Jika ditinjau dari sudut sejarahnya, bantuan kepada Gaza yang dihantar melalui pelayaran oleh gerakan ini telah bermula pada tahun 2008 sehingga tahun 2009 (Migrator, 2008). Dalam tempoh tersebut, gerakan ini telah melakukan 8 siri pelayaran. Namun, sejak daripada siri pelayaran ke-4, gerakan ini tidak berjaya memasuki perairan Gaza. Dalam keadaan ini, pelayaran mereka telah diserang oleh Israel. Tidak hanya itu, para sukarelawan mereka pula ditangkap. Perkara ini terjadi walaupun mereka hanya pergi dengan tujuan menghantar bantuan kemanusiaan, tanpa senjata dan bersifat aman. Namun oleh kerana lautan Gaza di kawal oleh Israel, gerakan ini tidak mampu untuk menembusi sekatan oleh Israel yang dilakukan ke atas mereka. Oleh sebab itu, gerakan *Free Gaza Movement* mencari inisiatif bekerjasama dengan organisasi lain diperingkat antarabangsa. Tujuan kerjasama ini adalah bagi memastikan matlamat gerakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan tercapai (De Jong, 2016).

Setelah kesepakatan dan persetujuan dibincangkan, maka pada pelayarannya yang ke-9, gerakan ini bekerjasama dengan 5 organisasi iaitu:

1. The Humanitarian Relief Foundation (IHH),
2. The European Campaign to End the Siege on Gaza (ECESG),

3. The International Committee to End the Siege on Gaza,
4. The Greek Ship to Gaza Campaign, dan
5. The Swedish Ship to Gaza.

Gabungan yang dilakukan kemudiaan diuruskan oleh IHH. IHH merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergerak aktif dalam misi bantuan kemanusiaan. IHH ditubuhkan pada tahun 1992 dan berdaftar di Istanbul, Turki pada tahun 1995. Organisasi ini telah menghantar bantuan kemanusiaan lebih daripada 100 buah negara di seluruh dunia. Pertukaran pengurusan ini telah membawa kepada penukaran nama *Free Gaza Movement* kepada *Freedom Flotilla*. Walaubagaimanapun kaedah pelayaran dan misi asal *Free Gaza Movement* masih dikekalkan (De Jong, 2016).

Oleh sebab itu, setiap peserta mahupun organisasi yang menyertai misi ini diminta untuk mematuhi prinsip organisasi atau di sebut sebagai '*points of unity*' (De Jong, 2016):

1. Menghormati hak asasi kemanusiaan bagi semua orang tanpa mengira bangsa, jantina, kaum, agama, etnik, kewarganegaraan, orientasi seksual, kewarganegaraan atau bahasa.
2. Penduduk yang sah dari semua wilayah yang diduduki oleh Israel sejak 5 Jun 1967, termasuk pelarian yang tidak dapat kembali ke rumah mereka di Palestin mesti mempunyai akses tanpa sebarang halangan ke perairan antarabangsa dan ruang udara. Prinsip ini selaras dengan semua resolusi yang dikeluarkan oleh PBB dan undang-undang antarabangsa.
3. Menyokong perpaduan dengan rakyat Palestin dengan memberi sokongan kepada mana-mana parti politik atau pertubuhan tanpa pengecualian.
4. Pihak *Free Gaza Movement* bersetuju untuk mematuhi prinsip-prinsip untuk tidak melakukan sebarang kekerasan samada dalam perkataan ataupun perbuatan sepanjang masa.

Menerusi kesepakatan yang telah diambil, pelayaran *Freedom Flotilla* dirangka. Pelayaran ini telah menerima penyertaan sebanyak 748 peserta daripada 40 buah negara di seluruh dunia (Free Gaza Movement, 2009d, 2009e, 2009f, 2009g, 2009h).

PERBINCANGAN

Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla

Bagi menjayakan misi ini, para peserta yang berminat dari seluruh dunia telah dinasihatkan supaya menyemak status mereka sama ada boleh dibenarkan masuk ke Israel atau tidak. Ini bagi mengelakkan berlakunya sekatan oleh pihak Israel di atas alasan yang berkaitan dengan status ini.

Perkara ini perlu diberi perhatian kerana penduduk Palestin sentiasa berjuang dalam kerangka tidak mengiktiraf Israel kerana ia boleh memberi kesan kepada sekatan dan halangan dari memasuki Israel. Antara perkara yang sentiasa menjadi tuntutan rakyat yang berasal dari Palestin adalah (ARIJ, 2006; Ghanem, 2002; Etkes & Zimring, 2015):

- i. Penduduk yang sah dari semua wilayah yang diduduki oleh Israel sejak 5 Jun 1967 hendaklah bebas daripada sebarang penjajahan dan mempunyai hak untuk mengawal semua pintu masuk dan keluar dari mana-mana wilayah tanpa campurtangan Israel.
- ii. Sebagai langkah pertama ke arah keamanan yang adil dan berkeadilan, Israel mesti menarik balik tenteranya dari wilayah yang dikuasai sejak 5 Jun 1967 dan

- membatalkan semua undang-undang, arahan, peraturan dan amalan yang telah digunapakai secara berbeza kepada populasi yang tinggal di kawasan tersebut.
- iii. Israel perlu merobohkan semua halangan yang telah dibina untuk tujuan menyekat laluan di semua wilayah yang telah diduduki oleh Israel sejak 5 Jun 1967.
 - iv. Israel mesti mengiktiraf hak-hak asasi rakyat Arab-Palestin di Israel dengan melaksanakannya secara sama rata.

Pihak *Free Gaza Movement* mengiktiraf semua hak pelarian Palestin, mereka yang dalam buangan dan waris rakyat Palestin untuk diberikan hak untuk pulang ke rumah mereka samada di Israel mahupun di wilayah Palestin. Ini termasuk bagi mendapatkan kembali harta mereka dan menerima pampasan bagi kerosakan, perampasan, penggunaan harta yang menyalahi undang-undang mengikut undang-undang antarabangsa (Free Gaza Movement, 2009c, 2009d, 2009f). Pendirian yang di pegang ini menunjukkan betapa mereka ingin memberikan pengiktirafan kepada rakyat Palestin yang tertindas. Ia memberikan kesan juga bahawa peserta yang ingin menyertai mereka sewajarnya mempunyai pendirian yang sama.

Dalam pelayaran Freedom Flotilla, peserta-peserta dibahagikan kepada 8 kumpulan mengikut pembahagian kapal-kapal konvoi yang ada seperti yang dimaklumkan oleh Sukarelawan dan wakil media Malaysia dalam misi *Freedom Flotilla* sebagaimana berikut (Informan II, 2016):

Jadual 1: Senarai kapal konvoi Freedom Flotilla

No	Nama kapal	Negara	Jenis kapal	Organisasi	Pemilik
1	Mavi Marmara	Comoros	Kapal penumpang	IHH	IHH
2	Defne	Kiribati	Kapal kargo	IHH	IHH
3	Gazze I	Turki	Kapal kargo	IHH	IHH
4	Eleftheri Mesgios/Sofia	Greece	Kapal kargo	The Greek Ship to Gaza Campaign & The Sweedish Ship to Gaza	Eleftheri Mesogios Marine Company
5	Sfendoni/ Boat 8000	Togo	Kapal penumpang	The Greek Ship to Gaza Campaign & The Sweedish Ship to Gaza	Sfendoni S.A
6	Challenger I	Amerika Syarikat	Kapal penumpang	Free Gaza Movement	Projek hak kemanusiaan, Free Gaza Movement
7	Challenger II	Amerika Syarikat	Kapal penumpang	Free Gaza Movement	Projek hak kemanusiaan, Free Gaza Movement
8	Rachel Corrie	Cambodia	Kapal kargo	Free Gaza Movement	Projek hak kemanusiaan, Free Gaza Movement

Misi Freedom Flotilla dan Israel

Rancangan pelayaran misi *Freedom Flotilla* telah dimaklumkan kepada Israel pada awal Februari 2010. Dalam keadaan ini, kapal-kapal konvoi flotilla turut bersedia untuk berlepas ke Perairan Gaza daripada destinasi masing-masing. Kapal-kapal konvoi dijadualkan bertemu di Perairan Antarabangsa berdekatan dengan Pelabuhan Cyprus, Turki pada 30 Mei 2010. Kemudian, semua kapal bergerak menuju ke Gaza pada tarikh tersebut (IHH, 2010).

Namun pada 31 Mei 2010, kapal tentera laut Israel dilihat menghampiri kapal konvoi *Freedom Flotilla*. Pada ketika ini, kapal konvoi masih lagi berada dalam lingkungan perairan Antarabangsa. Kapal tentera laut Israel telah mengawasi kapal konvoi Mavi Marmara kira-kira 7 jam sebelum menyerangnya pada waktu subuh (Informan I). Serangan dilakukan oleh Israel dengan menurunkan tenteranya daripada helikopter ke atas dek kapal flotilla (Informan I). Dalam serangan tersebut, seramai 9 orang sukarelawan terbunuh manakala 53 orang yang lain cedera (IHH, 2010).

KESAN

Daripada peristiwa ini, penulis mendapati bahawa terdapat kesan positif dan juga kesan negatif yang boleh dilihat. Antara kesan-kesan tersebut adalah sepertimana berikut:

Kesan Positif

Pemutusan Dasar Kerjasama Ketenteraan Turki-Israel

Usaha *Freedom Flotilla* memberi kesan kepada hubungan Turki dan Israel. Dalam konteks ini, kedua-dua buah negara mempunyai hubungan kerjasama dalam bidang ketenteraan melalui Perjanjian *Security and Secrecy Agreement* pada tahun 1994 (Smith, 2000). Perjanjian *Security and Secrecy Agreement* telah ditandatangani antara Turki dan Israel pada tahun 1994 yang mana Israel telah memberikan bantuan untuk memerangi keganasan serantau dengan berkongsi kepakaran dan teknologi Israel bagi membantu Turki dalam menangani pemberotakan Kurdish di Turki.

Tidak hanya itu, kedua-dua buah negara turut memeterai Perjanjian *Memorandum of Understanding for the Training of Pilots* pada tahun 1995 dan Perjanjian *Military Training Cooperation Agreement* (MTCA) pada tahun 1996 (Belgin, 2004). Antara faktor Turki menjalin hubungan dengan Israel adalah keinginan Turki untuk mengukuhkan pertahanan negara dan kedudukannya dalam dunia Arab di Timur Tengah. Di samping itu, hubungan ini juga adalah berdasarkan kepada keinginan Turki untuk menyertai Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) bagi berhadapan dengan Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat dalam menangani keselamatan serantau dan antarabangsa Turki terutama apabila permohonan Turki untuk menyertai EU telah ditolak pada tahun 1997. Hubungan yang dimeterai turut memberi kepentingan kepada Turki dalam menghadapi serangan PKK (Parti Pekerja Kurdistan) yang sentiasa dilihat mengancam kestabilan negara tersebut. Ia dapat dilihat bilamana Turki bekerjasama dengan Israel menerusi Mossad (Institut Perisikan dan Operasi Khas Israel) untuk mendapatkan maklumat-maklumat sulit seperti gambar satelit dan aktiviti PKK bagi mengawal aktiviti pergerakan PKK.

Namun, berlaku ketegangan di dalam hubungan Turki-Israel di mana Turki membatalkan latihan ketenteraan dengan Israel setelah Israel menyerang salah satu kapal konvoi *Freedom Flotilla*, iaitu kapal Mavi Marmara. Turki turut membekukan

kerjasama maklumat risikan ketenteraan dan melarang Israel menggunakan ruang udara Turki. Tindakan ini adalah susulan daripada kematian 9 orang sukarelawan rakyat Turki yang terkorban dalam serangan tersebut. Natiujahnya, Israel tidak lagi mempunyai perkongsian teknologi persenjataan ketenteraan dengan Turki. Di samping itu, Israel turut kehilangan akses udara di ruang udara Turki termasuk untuk kegunaan penerbangan awam (Handayani, 2010). Ini adalah bertepatan dengan misi *Freedom Flotilla* yang mahu memberikan tekanan kepada masyarakat antarabangsa untuk menamatkan sokongan terhadap pendudukan Israel di Palestin.

Gaza Menjadi Isu Tumpuan Dunia

Selain itu, misi *Freedom Flotilla* turut berjaya menarik perhatian masyarakat antarabangsa terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh penduduk Gaza (Saif, 2014; Smith, 2011). Perkara ini adalah kerana isu kemanusiaan di Gaza telah berlaku sejak sekian lama sehingga masyarakat luar tidak lagi cakna kepada kehidupan di Gaza. Insiden serangan yang dilakukan menjadikan Gaza sebagai isu utama kepada masyarakat antarabangsa semula (Informan I, 2016). Dalam hemat penulis, penulis berpendapat bahawa pembabitan sukarelawan dalam kalangan orang ternama dunia dan pembabitan pihak media dalam konvoi tersebut menjadi faktor utama. Perkara ini dapat diperhatikan apabila kapal konvoi *Freedom Flotilla* diserang dan dipaksa berlabuh di Ashdod, Israel. Seluruh dunia mengambil tindakan segera bilamana mengetahui sukarelawan yang terlibat menjadi tahanan Israel (Saif, 2014). Ekoran dari itu, sikap cakna dan sensitiviti masyarakat dunia terhadap kekejaman yang dilakukan oleh Israel ke atas penduduk awam Gaza meningkat. Keadaan ini bertepatan dengan misi organisasi yang mahu meningkatkan kesedaran antarabangsa mengenai situasi di Gaza.

Peningkatan Jumlah Sukarelawan

Antara kesan lain yang dapat dilihat apabila IHH mengumumkan untuk meneruskan misi bantuan *Freedom Flotilla*. Sebagai contoh, menurut laporan yang dikeluarkan oleh laman rasmi IHH pada 10 Mei 2011, sebanyak 5000 borang permohonan diterima oleh IHH dalam tempoh 4 hari setelah IHH membuka pendaftaran untuk sukarelawan *Freedom Flotilla* II. Tidak hanya itu, IHH turut menerima 250,000 borang permohonan sukarelawan antarabangsa disamping menerima keanggotaan 22 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dari pelbagai negara (IHH, 2010; 2011; n.d.b). Perkara ini membuktikan usaha *Freedom Flotilla* berjaya meningkatkan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat antarabangsa untuk membantu Gaza meskipun konvoi ini pernah diserang Israel sebelumnya. Tidak hanya itu, usaha *Freedom Flotilla* yang mahu meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat antarabangsa turut berjaya dilakukan.

Tekanan Dunia Terhadap Israel

Freedom Flotilla turut memberikan kesan kepada Israel apabila dunia mula memberi perhatian kepada isu Gaza melalui kempen Boikot, Lupus dan Sekat Israel atau lebih dikenali sebagai gerakan BDS (Boycott, Divestment, Sanctions) (Kamal, 2014). Program BDS ini merangkumi 3 aspek utama iaitu Boikot: merupakan program untuk menarik balik sokongan kepada Israel dan syarikat antarabangsa yang terlibat dalam pencabulan hak kemanusiaan rakyat Palestin samada dalam bidang sukan, budaya ataupun institusi akademik. Manakala bagi program Divestasi merupakan kata lawan bagi investasi yang membawa maksud menjual sesuatu pelaburan. Dalam kempen ini, BDS menggesa kerajaan tempatan, gereja (pertubuhan agama), bank, dana dan university untuk mengeluarkan pelaburan dari semua syarikat Israel dan syarikat antarabangsa yang terlibat dalam pelanggaran hak asasi rakyat Palestin. Bagi program Sanksi (sekatan) pula

merujuk kepada mengenakan tindakan seperti sekatan ekonomi atau memutuskan hubungan dagang, kerana tidak mematuhi undang-undang. Dalam keadaan ini, kempen BDS adalah supaya mana-mana kerajaan mengenakan sekatan dan memberikan tekanan kepada Israel dengan menamatkan hubungan ketenteraan, perjanjian perdagangan bebas dan mengeluarkan Israel daripada organisasi antarabangsa seperti PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

Meskipun kempen ini telah diwujudkan sejak sekian lama namun kempen ini berjaya menarik perhatian masyarakat antarabangsa setelah kapal konvoi *Freedom Flotilla* diserang pada 31 Mei 2010. Aktiviti yang dilakukan setelah kapal konvoi diserang berjaya bergerak secara global dengan penyertaan daripada pelbagai kesatuan akademik, kumpulan keagamaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dari seluruh dunia. Aktiviti ini dilihat dapat membantu rakyat Palestin khususnya Gaza untuk kembali aktif dalam aktiviti ekonomi (UNCTAD, 2015; PCHR, 2019 & 2010). Ini adalah kerana penduduk Gaza terpaksa bergantung dan bersaing dengan produk Israel (Ahmad, 2016; OECD, 2009, 2010 & 2015).

Projek '9 Projects for 9 Martyrs'

Kesan lain daripada usaha *Freedom Flotilla* dapat dilihat pada peringkat pengurusan pusat. Disini, IHH merupakan pusat pengurusan misi *Freedom Flotilla* menjalankan projek pembangunan monumen peringatan 9 orang rakyat Turki yang meninggal dunia dalam serangan Israel di perairan Antarabangsa. Tujuan pelaksanaan projek ini adalah untuk membantu orang awam memahami nilai-nilai sukarelawan. Oleh sebab itu, IHH mengambil keputusan untuk mendirikan bangunan-bangunan yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat sekaligus membantu golongan yang tidak berkemampuan (IHH, n.d.b). Projek ini menerima sumbangan daripada warga tempatan dan luar negara. Berikut merupakan senarai monumen yang akan dibangunkan oleh IHH:

Jadual 2: Senarai projek pembangunan '9 Projects for 9 Martyrs' IHH

Bil.	Cadangan projek	Tempat
1	Kompleks sukan Cetin Topcuoglu	Adana, Turki
2	Asrama pelajar Fahri Yaldiz	Adiyaman, Turki
3	Asrama pelajar Necdet Yildirim	Istanbul, Turki
4	Asrama pelajar Cengiz Songur	Izmir, Turki
5	Pusat kebudayaan Cevdet Kiliclar	Istanbul, Turki
6	Pusat kebudayaan Cengiz Akyuz	Iskenderun, Turki
7	Pusat pendidikan dan kebudayaan Ali Haydar	Diyarbakir, Turki
8	Pusat pendidikan dan kebudayaan Furkan Dogan	Kayseri, Turki
9	Pusat pendidikan dan kebudayaan Ibrahim Bilgen	Siirt, Turki

Sumber: Laman sesawang IHH

Women on Boat to Gaza (WBG)

Antara inisiatif lain *Freedom Flotilla* untuk meneruskan misi konvoi adalah *Women on Boat to Gaza (WBG)* (Informan I). WBG dianggotai oleh 13 orang sukarelawan daripada 12 buah negara yang berbeza. Pelayaran misi ini bergerak dari Barcelona menggunakan kapal Zaytouna-Olive pada 23 September 2016 seperti yang dilaporkan di dalam Laman sesawang *Women on Boat to Gaza* (Anon, n.d). Tujuan pelayaran adalah sebagai tanda sokongan atau solidaritari kepada golongan wanita Gaza. Tidak hanya itu, misi turut

berusaha untuk mendapatkan perhatian dunia terhadap kesengsaraan yang dihadapi oleh penduduk Gaza. Pelaksanaan misi ini memperlihatkan impak positif bilamana misi ini dilihat berjaya menarik perhatian masyarakat antarabangsa mengenai kesengsaraan penduduk Gaza. Ini bertepatan dengan matlamat konvoi yang mahu menjadikan isu Gaza sebagai perhatian utama masyarakat antarabangsa.

Kesan Negatif

Masih Gagal Memecahkan Pengepungan

Meskipun usaha *Freedom Flotilla* mula menampakkan kesan yang positif, namun, misi ini masih sukar untuk menembusi pengepungan Israel. Dalam keadaan ini, Israel masih meneruskan kawalan yang ketat ke atas semua laluan masuk dan keluar Gaza termasuk Perairan Gaza. Perkara ini dilihat sebagai kesan yang negatif kepada pelayaran misi *Freedom Flotilla*. Ini adalah kerana misi ini masih tidak mencapai matlamat untuk memecahkan tembok pengepungan Israel.

Israel Masih Disokong

Antara kesan negatif lain yang dapat dilihat adalah sokongan yang masih diterima oleh Israel. Israel dilihat masih menerima bantuan daripada negara luar meskipun Turki telah memutuskan kerjasama ketenteraan dengan Israel. Perkara ini dapat diteliti menerusi peranan Mesir. Meskipun Mesir tidak menyatakan sokongannya kepada Israel secara terbuka, namun sikap Mesir yang menutup laluan Rafah untuk kegunaan perjalanan penduduk Gaza dan misi bantuan kemanusiaan dilihat telah membantu Israel melaksanakan sekatan perjalanan ke atas kedua-dua golongan tersebut. Ini berasaskan pada pandangan aktivis *Freedom Flotilla* dalam temubual dengan penulis yang dilakukan pada 18 Ogos 2016 yang lalu (Informan I, 2016). Dalam konteks ini, *Freedom Flotilla* masih lagi tidak dapat memenuhi misi konvoi dalam menarik perhatian dunia ke atas sekatan yang dilakukan oleh Israel.

Sekatan Masih Diteruskan

Selain itu, usaha *Freedom Flotilla* juga dilihat masih belum memenuhi misi konvoi sepenuhnya. Dalam konteks ini, meskipun konvoi *flotilla* dilakukan adalah bagi memecahkan tembok pengepungan Israel ke atas Gaza, Israel masih lagi meneruskan pengepungannya. Kesan ketara yang dapat dilihat adalah peningkatan kadar kemiskinan penduduk Gaza. Keadaan ini membawa kepada peningkatan jumlah pengangguran dalam kalangan penduduk Gaza sehinggakan ramai dalam kalangan penduduknya kini tidak mampu untuk membeli barangan keperluan asasi. Perkara ini membawa kepada pergantungan sepenuhnya daripada bantuan yang diberikan oleh Pertubuhan kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) (Palestine Ministry, 2011).

KESIMPULAN

Cubaan misi bantuan kemanusiaan *Freedom Flotilla* memperlihatkan betapa sukarnya untuk memecahkan tembok pengepungan Israel ke atas Gaza. Kesemua usaha yang dilakukan oleh *Freedom Flotilla* dilihat masih tidak mampu memasuki perairan Gaza. Namun, walaupun *Freedom Flotilla* berhadapan dengan situasi tersebut, konvoi tersebut masih diteruskan sehingga dilihat mampu memberi impak yang positif ke atas usaha mereka sejajar dengan misi yang ditetapkan. Dalam keadaan ini, konvoi *flotilla* berjaya menarik perhatian masyarakat antarabangsa untuk memberi perhatian terhadap isu Gaza semula. Namun di satu sisi lain, usaha *Freedom Flotilla* perlu diteruskan lagi di atas apa

jua nama yang pastinya dibuat atas tujuan kemanusiaan. Ia juga bagi memberikan tekanan antarabangsa bagi menembusi kekebalan pengepungan Israel terhadap Gaza.

RUJUKAN

- Ahmad, M. S. C. 2016. Palestin Lancar Kempen Boikot: Khususnya Sepanjang Bulan Ramadan. June 28. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/rencana/agama/palestin-lancar-kempen-boikot-israel-1.347979>
- Aljamal, Y. M. 2012. How Israel's Siege on Gaza Killed My Sister. Palestine Chronicle. Retrieved from <http://www.palestinechronicle.com/how-israels-siege-on-gaza-killed-my-sister/>
- Anon. (n.d.). Barcelona Prepare Women's Boat to Gaza Flotilla Departure. Retrieved October 20, 2016, from <https://wbg.freedomflotilla.org/news/barcelona-departure-womens-boat-to-gaza-flotilla>
- ARIJ. 2006. *Analysis of Urban Trends and Land Use Changes in the Gaza Strip Between 2001 – 2005*. Bathelem, Palestin: Applied Research Institute-Jerusalem (ARIJ).
- Baglay, L. J. dan S. (Ed.). 2016. *The nature of inquisitorial processes in administrative regimes: global perspective*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Bauwgartner, T. & Pahl-Wostl, C. 2013. UN–Water and its Role in Global Water Governance Appendix 1 : Methodology Interviews. *Ecology and Society*, 18(3).
- Belgin, V. 2004. *Turkish-Israeli Entente: The Impact of Turkish-Israeli Alignment on Turkish-Iranian Relations*. Bilkent University, Ankara.
- Bhungalia, L. 2010. A liminal territory: Gaza, executive discretion, and sanctions turned humanitarian. *GeoJournal*, 75(4), 347–357.
- David Lewis, N. K. 2009. *Non-Governmental Organizations and Development*. London & New York: Routledge.
- De Jong, A. 2016. The Gaza Freedom Flotilla: human rights, activism and academic neutrality. In K. G. dan J. Pickerill (Ed.), *Research Ethics and social movements: scholarship, activism and knowledge production*. London & New York: Routledge.
- Djarmiko, A. S. 2011. Hak Penduduk Sipil Atas Bantuan Kemanusiaan Dalam Konflik Bersenjata dan Perlindungan Terhadap Kapal Bantuan Kemanusiaan: Analisis Terhadap Penyerangan Kapal Mavi Marmara. Universitas Indonesia.
- Erakat, N. 2011. It's Not Wrong, It's Illegal: Situating The Gaza Blockade Between International Law And The UN Response. *UCLA Journal of Islamic and Near Eastern Law*, 11, 37–85.
- Etkes, H. & Zimring, A. 2015. When trade stops: Lessons from the Gaza blockade 2007-2010. *Journal of International Economics*, 95(1), 16–27.
- Forsythe, D. P. 2005. *The Humanitarians: The International Committee of The Red Cross*. Amerika Syarikat: Cambridge University Press.
- Free Gaza Movement. 2009a. First breaking of siege: Our Historic first voyage. Retrieved June 13, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/first-voyage.html>
- Free Gaza Movement. 2009b. Our Mission. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/about-us/mission.html>
- Free Gaza Movement. 2009c. the Second Breaking of Siege: the DIGNITY's Maiden Voyage. Retrieved June 13, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/second-voyage.html>
- Free Gaza Movement. 2009d. The Fifth Breaking of Siege: The Qatari Delegation. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/fifth-voyage.html>
- Free Gaza Movement. 2009e. The Fourth Breaking of the siege: the "Student" Delegation. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/fourth-voyage.html>

- Free Gaza Movement. 2009f. The Seventh Breaking of the Siege: The Spirit of Humanity. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/seventh-voyage.html>
- Free Gaza Movement. 2009g. The Sixth Breaking of the Siege: The Ramming of DIGNITY. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/sixth-voyage.html>
- Free Gaza Movement. 2009h. The Third Breaking of Siege: Parliamentary Delegation. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/third-voyage.html>
- Ghanem, A. 2002. *The Palestinian Regime: A Partial Democracy*. Britain: Sussex Academic Press.
- Gilbert, M. 2014. Brief report to UNRWA: The Gaza Health Sector as of June 2014. Norway.
- Graham, S. (Ed.). 2010. *Disrupted Cities: When Infrastructure Fails*. Routledge.
- Handayani, A. P. 2012. Kebijakan Turki Memutuskan Kerjasama Militer Dengan Israel Tahun 2010. *Jurnal Transnasional*, 3(2), 20.
- Harb, E. F. 2010. Exclusive intifada interview with Greta Berlin-Free Gaza Movement. Retrieved June 13, 2016, from <http://www.intifada-palestine.com/2010/07/exclusive-intifada-interview-with-greta-berlin-free-gaza-movement/>
- Heinns, V. M. (Ed.). 2016. *Humanitarianism and Challenges of Cooperation*. New York: Routledge.
- Hutchinson, J. F. 1997. *Champions of Charity: War and the Rise of the Red Cross (illustrate)*. Amerika Syarikat: Westview Press.
- IHH. 2010. Palestine Our Route Humanitarian Aid Our Load Flotilla Campaign Summary Report. Istanbul.
- IHH. 2011. Target for the the Freedom Flotilla II is 1 Milion Application. Retrieved September 12, 2016, from <https://www.ihh.org.tr/en/news/target-for-the-freedom-flotilla-ii-is-1-milion-application-910>
- IHH. (n.d.a). 9 Projects for 9 Martyrs. Retrieved October 11, 2016, from 9sehid9eser.com/en/sik-sorulan-sorular/
- IHH. (n.d.b). Cycling-activists to tour Marmara for Palestine. Retrieved October 12, 2016, from <https://www.ihh.org.tr/en/news/cyclingactivits-to-tour-marmara-for-palestine-1464>.
- Kamal, M. M. 2014. Kempen BDS vs Israel. 12 Ogos 2014. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/global/kempen-bds-vs-israel-1.307063>
- Maze, K. 2010. *Searching for Aid Effectiveness in Small Arms Assistance*. New York and Geneva: United Nations Publications.
- Migdalovitz, C. 2005. *Israel's Disengagement from Gaza*. New York.
- Migrator. 2008. Passenger List the Fourth Breaking of the Siege: 8th-11th December 2008. Retrieved June 12, 2016, from <http://archive.freegaza.org/en/all-passengers/60-fourth-trip-to-gaza1054.html?layout=default>
- Nilasari, A. P. 2010. Komunitas "Free Gaza Movement" (Analisis Fuller dalam Konteks Peacemaking Criminology. Universitas Indonesia.
- OCHA. 2007. *Gaza Fishing: An Industry in Danger*. Jerusalem.
- OCHA. 2008. *Gaza Humanitarian Situation Report*. Jerusalem.
- OECD. 2009. *Better Aid Managing Practices of DAC Member Countries: Practices of DAC Member Countries*. Perancis: OECD Publishing.
- OECD. 2010. *2008 DAC Report on Multilateral Aid*. Paris: OECD Publishing.
- OECD. 2015. *OECD Development Co-operation Peer Reviews OECD Development Co-operation Peer Review*. OECD Publishing, Paris.
- PCHR. 2009. *Palestinian Centre for Human Rights Annual Report 2008*.
- PCHR. 2010. *Palestinian Centre for Human Rights Annual Report 2009*.
- Saif, D. A. A. 2014. *Sleepless in Gaza: Israeli Drone War on the Gaza Strip*. Palestin.

- Smith, K. (2011). *Non-DAC Donors and Humanitarian Aid: Shifting Structures, Changing Trends*. United Kingdom.
- Smith, R. J. (2000). *The pragmatic entente: Turkey's growing relations with Israel*. Princeton University.
- UNCTAD. (2015). *Report on UNCTAD assistance to the Palestinian people: Developments in the economy of the Occupied Palestinian Territory (Vol. 1397)*. Geneva.